



08 Jun 2018

Kosmo, Malaysia

Author: No author available • Section: Kosmo 2 • Page: 31 • Printed size: 286.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • ASR: MYR 7,422.00
PR Value: N/A • Item ID: MY0032814459

 isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 2

Pendidikan al-Quran sebagai pengisian spiritual anak OKU

ANAK-ANAK istimewa atau Orang Kelainan Upaya (OKU) berhak mendapat ruang dan peluang untuk mempelajari kitab suci al-Quran yang menjadi pegangan hidup umat Islam sekali gus mengecapi kemanisan hidup beragama.

Ketua Projek Rintis Fakh, Pusat Penyelidikan Al-Quran, Universiti Malaya, Dr. Nazean Jomhari menjelaskan, ini kerana manusia terdiri daripada dua elemen iaitu jasad dan roh dan kita sebagai hamba dicipta untuk beribadah kepada-Nya.

"Pendidikan OKU pada masa ini dilihat cenderung memberi penekanan aspek terapi cara kerja

seperti diajar di sekolah pendidikan khas dan vokasional dengan harapan dapat membantu mereka menjalani kehidupan.

"Tetapi pengetahuan tersebut seperti cara mengurus diri hanya memenuhi keperluan jasad atau fizikal. Justeru mereka turut memerlukan pengisian spiritual untuk roh mereka," ujarnya ketika dihubungi *Kosmo* baru-baru ini.

Beliau yang gigih membangunkan modul serta kurikulum bagi memperkasakan sistem pendidikan



NAZEAN

al-Quran untuk anak istimewa menerusi Projek Rintis Fakh berkata, kitab suci itu diturunkan untuk semua umat manusia dan sepatutnya tiada pengecualian untuk sesiapa mempelajarinya.

Menurutnya, bukan sesuatu yang mustahil untuk mendekatkan anak OKU dengan al-Quran menggunakan apa sahaja deria, keupayaan atau kemampuan seseorang.

"Ia bukan tugas mudah dan memerlukan usaha yang konsisten. Melalui pengalaman saya bertemu

seorang anak palse serebral yang sebelum ini hanya terliantar di katil, sudah mula tersenyum sejak diperdengarkan ayat-ayat al-Quran.

"Saya percaya manusia ini jika mereka tiada langsung deria yang boleh digunakan lagi mereka akan mati. Jadi saya berpendapat, kita harus memanfaatkan apa sahaja cara yang ada untuk mengajar ilmu al-Quran kepada golongan OKU.

"Jadi ini adalah satu daripada cara untuk membantu supaya mereka bukan sahaja boleh membaca al-Quran malah berzikir, melakukan amal soleh, mengimarahkan surau dan masjid," tuturnya.



08 Jun 2018
Kosmo, Malaysia

Author: No author available • Section: Kosmo 2 • Page: 31 • Printed size: 286.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • ASR: MYR 7,422.00
PR Value: N/A • Item ID: MY0032814459

 isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

DISCOVERED

Company: Universiti Malaya (UM)
Industry: Education > University & College
Category: Company News > General News

Industry: General Issues > Parenting & Family
Category: Industry News

Brand: UKM - internal checking only
Company: UKM - internal checking only
Industry: Special Issue > Special Topic
Category: Company News > General News